

UDTL

U 8399 AAB

NEGARA - MAHATHIR R & R

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MATLAMAT UTAMA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL NEGARA IALAH MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT.

USAHA ITU DAPAT DILAKUKAN MEMERUSI STRATEGI YANG BOLEH MENINGKATKAN DENGAN PESAT KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DAN PERTAMBAHAN EKSPORT TERUTAMA BARANGAN PENGUATAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR HASSAN MAH DI DENAN NEGARA.

STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA ITU JELAS SEPERTI YANG DIRUMUSKAN DALAM RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG 1970-70, RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN MALAYSIA DAN PROGRAM-PROGRAM TERTENTU SEPERTI PELAN INDUK PERINDUSTRIAN DAN DASAR PERTANIAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEDUA-DUA MATLAMAT ITU AKAN DAPAT DICAPAI JIKA SEMUA PIHAK DAPAT MENINGKATKAN TAHAP TEKNOLOGI, PRODUKTIVITI DAN KEMAHIRAN BERTA KUALITI TENAGA KERJA.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA DALAM USAHA MEMBENTUK STRATEGI KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL NEGARA, KERAJAAN SENTIASA MENGAMBIL TELADAN DARIPADA PENGALAMAN NEGARA-NEGARA YANG SUDAH BERTARAF NIC.

-- LAGI.

1993HST 30 11 88

0692

U 8401 AAB

NEGARA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+BAGAIMANAPUN KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK MENCONTOHNI DAN MELAKSANAKAN PROGRAM EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN SEPERTI YANG TELAH TERBUKTI BERJAYA DI NEGARA-NEGARA BERTARAF NIC.

+INI MEMANDANGKAN KEADAAN SUMBER ALAM DAN SUMBER TENAGA MANUSIA BERTA STRUKTUR EKONOMI DAN SOSIO-POLITIK YANG BERBEZA ANTARA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN,+ KATA BELIAU.

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN SENATOR HAZIDAH HAJI ZAKARIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT BERKENAAN TERCAPAI, SEMUA PIHAK PERLU MEMASTIKAN KESTABILAN POLITIK BERKEKALAN SUPAYA NUJUD PROSES PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERTERUSAN.

BELAIN ITU SEMUA PIHAK PERLU MEMBENTUK SIKAP YANG LEBIH SESUAI DENGAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1994HST 30 11 88